



JAWATAN KOSONG

Seluruh warganegara Malaysia adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) seperti maklumat berikut :-

Bil.	Jawatan	Bidang	Taraf Jawatan	Kekosongan
1	Pensyarah	Ternakan	Sambilan	1
		Bahasa Inggeris (TESL)	Sambilan	1
		TVET (Operasi Pengeluaran Tanaman)	Sambilan	1

SYARAT UMUM –

- i) Warganegara Malaysia; dan
- ii) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun.

SYARAT KHUSUS –

Pensyarah Bidang Ternakan –

Sekurang-kurangnya memiliki **Ijazah Sarjana (Master)** dalam bidang **Ternakan** atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Pensyarah Bidang Bahasa Inggeris (TESL) –

Sekurang-kurangnya memiliki **Ijazah Sarjana (Master)** dalam bidang **Bahasa Inggeris (TESL)** atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Pensyarah Bidang TVET (Operasi Pengeluaran Tanaman) –

- i) Memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) / Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam bidang berkaitan.
- ii) Mempunyai Sijil *Vocational Training* (VTO) / Pegawai Latihan Vokasional.
- iii) Memiliki Sijil Kursus Induksi PP / PPB / PPD.
- iv) Mempunyai pengetahuan asas dalam pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis (*Written Instructional Material – WIM*).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

KEPERLUAN TAMBAHAN / KEUTAMAAN –

Keutamaan adalah diberikan kepada calon yang mempunyai kelayakan seperti berikut :-

- i) Mempunyai Ijazah Kedoktoran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
- ii) Mempunyai pengalaman industri atau berkhidmat sebagai tenaga pengajar.

CARA PERMOHONAN –

Permohonan hendaklah dibuat secara bersurat dengan menyertakan “*resume*”, salinan kad pengenalan, salinan surat beranak, sekeping gambar terkini berukuran saiz pasport, salinan sijil akademik dan salinan sijil-sijil lain serta dokumen sokongan yang berkaitan.

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :-

**Ketua Eksekutif
Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM)
Lot 2020, Ayer Pa'abas
78000 Alor Gajah, Melaka
(u/p : Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

(Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di penjuru atas kiri sampul surat)

ATAU

Emelkan kepada :-

resume@ucam.edu.my

(Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada tajuk emel)

TEMPOH PERMOHONAN –

20 JUN 2025 HINGGA 30 JUN 2025

Perhatian:

Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat akan ditolak.

Hanya calon-calon yang ditapis dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga. Pemohon yang tidak menerima panggilan temuduga selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.